

## **FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)**

### **UJIAN SARINGAN *POLYMERASE CHAIN REACTION* (PCR) COVID-19 PEKEBUN DAN PENIAGA DURIAN LUAR DAERAH RAUB, PAHANG**

---

1. **SOALAN:** Adakah sekiranya orang luar yang ingin melalui Daerah Raub hanya untuk ke sesuatu tempat, sebagai contoh dari Kelantan ke Kuala Lumpur perlu menjalani ujian saringan PCR COVID-19?

**JAWAPAN:** **TIDAK PERLU** menjalani ujian saringan PCR COVID-19 sekiranya hanya untuk melalui/melintas Daerah Raub.

2. **SOALAN:** Adakah pekebun/peniaga yang tinggal di Daerah Raub perlu membuat ujian saringan PCR COVID-19?

**JAWAPAN:** Pekebun/peniaga yang tinggal di Daerah Raub **TIDAK PERLU** menjalani ujian saringan PCR COVID-19, tetapi disarankan untuk menjalani ujian RTK terutama pekebun/peniaga yang berurusan di kawasan PKPD.

3. **SOALAN:** Adakah setiap kali pekebun/peniaga durian yang berada di luar Daerah Raub yang ingin berurusan di Daerah Raub perlu menjalani ujian saringan PCR COVID-19?

**JAWAPAN:** **YA PERLU**, ujian saringan PCR COVID-19.

4. **SOALAN:** Adakah arahan ini hanya tertakluk kepada pekebun/peniaga durian sahaja?

**JAWAPAN:** **YA**, arahan ini hanya terpakai kepada pekebun/peniaga durian sahaja.

5. **SOALAN:** Adakah pekebun/peniaga durian dari luar daerah Raub boleh pergi ke kebun yang terdapat di Kawasan PKPD?

**JAWAPAN: TIDAK BOLEH.** Hanya pekebun/peniaga dalam daerah Raub sahaja dibenarkan masuk ke kebun di kawasan PKPD, dengan syarat mendapat Surat Pengesahan dari Pejabat Pertanian Daerah Raub & menjalani ujian saringan RTK.